



# جاین آکام اسلام نگری جوهر

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,  
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM,  
Tingkat 3 & 4, Blok B,  
Pusat Islam Iskandar Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar,  
80990 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07-228 2928/30/32/33/55  
Faks : 07-223 3178  
Website : <http://bpi.johor.gov.my>  
Emel : bpaj@johor.gov.my



Sila nyatakan rujukan bilangan surat kami  
apabila menjawab

Ruj. Kami : JAINJ.BPI.101/708 Jld.3 ( 34 )

Tarikh : April 2019M  
Syaaban 1440H

## Timbalan Pengarah (Pendidikan Agama)

Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Pegawai-pegawai Pendidikan Islam Daerah

Johor Bahru / Muar / Batu Pahat / Pontian / Segamat

Kluang / Kota Tinggi / Mersing / Kulai Dan Tangkak

Pengetua Maahad Johor

Pengetua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang

Pengetua Sekolah Menengah Agama Rakyat (SABK)

Guru Besar Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SABK)

Tuan,

## SURAT PEKELILING BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM,

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR BIL. 2/2019

MENGAMALKAN SELAWAT "TAFRIJIYYAH" DI SEKOLAH-SEKOLAH  
AGAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR

## TUJUAN

1. Surat Pekeling Ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan bagi memaklumkan mengenai arahan untuk mengamalkan selawat "Tafrijiyah" di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKJ).

## LATAR BELAKANG

2. Berselawat ke atas junjungan besar Baginda Muhammad S.A.W adalah amat dituntut di dalam Islam sebagaimana :



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT. NO.:AR 4866

2.1 Firman Allah S.W.T

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ  
۝ يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاعَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

" Ertinya : Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya (Nabi) serta ucapkanlah salam sejahtera dan penghormatan yang sepenuhnya. "

(Surah Al Ahzab : Ayat 56)

2.2 Hadith yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmizi daripada Abdullah Ibnu Mas'ud R.A, beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda :

إِنَّ أُولَى النَّاسِ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ أَكْثُرُهُمْ عَلَيَّ صَلَةً

" Ertinya : Sesungguhnya orang yang paling dekat denganku pada Hari Kiamat ialah orang yang paling banyak berselawat ke atasku. "

2.3 Hadith yang diriwayatkan oleh Imam At-Thabrani daripada Abdullah Ibnu Umar R.A berkata, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda :

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا، وَمَنْ صَلَّى عَلَيَّ عَشْرًا  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ مِائَةً، وَمَنْ صَلَّى عَلَيَّ مِائَةً كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ بَرَاءَةً  
مِنَ النَّفَاقِ وَبَرَاءَةً مِنَ النَّارِ وَأَسْكَنَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ الشُّهَدَاءِ

" Ertinya : Barangsiapa yang membaca selawat untukku satu kali, maka Allah berselawat untuknya sepuluh kali, dan barangsiapa berselawat untukku sepuluh kali, maka Allah berselawat untuknya seratus kali, dan barangsiapa berselawat untukku seratus kali, maka Allah menulis diantara kedua matanya kebebasan dari nifak, dan kebebasan dari neraka dan Allah akan menempatkannya pada hari kiamat bersama orang-orang yang mati syahid. "

3. Menekuni maksud firman Allah S.W.T dan hadis Baginda Muhammad S.A.W di atas serta nas-nas lain daripada Al-Quran dan hadis berkaitan berselawat dapatlah diambil pengajaran bahawa berselawat mempunyai banyak kelebihan di antaranya :

- 3.1 Memperolehi kurniaan rahmat yang luas daripada Allah S.W.T.
  - 3.2 Mendapat syafaat daripada Rasulullah S.A.W di Hari Akhirat.
  - 3.3 Mudah mengingati semula perkara-perkara yang terlupa.
  - 3.4 Melepaskan kesukaran dunia dan akhirat serta ditunaikan segala hajat.
  - 3.5 Menambah kecintaan kepada Baginda Rasullah S.A.W.
4. Diyakini juga bahawa amalan berselawat akan dapat memperelok akhlak dan sahsiah murid serta menjadikan mereka lebih bertanggungjawab berkat daripada kelebihan berselawat itu sendiri.
5. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini menetapkan supaya amalan berselawat dijadikan rutin harian yang sentiasa dibaca dan dialunkan oleh murid-murid Sekolah Agama Kerajaan Johor sama ada di peringkat tadika, sekolah agama, Darjah Khas, sekolah menengah dan tahfiz.
6. Selawat yang dipilih untuk diamalkan ialah “*Selawat Tafrijiyah*” atau dinamakan juga dengan “*Selawat Nariyah atau Kamilah*”.

### KALIMAH SELAWAT

7. Kalimah Selawat Tafrijiyah adalah sebagaimana berikut :

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَ سَلِّمْ سَلَاماً تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّى  
بِهِ الْعُقْدُ وَ تَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبَ وَ تُقْضَى بِهِ الْخَوَائِجُ وَ تُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ  
وَ حُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَ يُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَ عَلَى إِلَهٍ وَ صَاحِبِهِ فِي  
كُلِّ لَمْحَةٍ وَ نَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Yang bermaksud :

“ Ya Allah! Limpahkanlah rahmat yang sempurna dan berilah kesejahteraan yang sempurna kepada junjungan kami Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi sebab terlepasnya sesuatu yang masih mengalami jalan buntu dan terbukanya kesempitan serta ditunaikan segala hajat dan memperolehi semua yang diingini serta Husnul Khatimah (pengakhiran hayat yang baik) dan diturunkan siraman mendung hujan (mendapat rahmat dan berkat) lantaran keagungan baginda. (Dan limpahkanlah rahmat dan salam) kepada keluarga baginda dan sahabat di dalam setiap kerlipan mata dan helaan nafas dengan sebanyak bilangan semua yang ada di dalam ilmuMu.”

## **KAEDAH PELAKSANAAN**

8. Selawat ini dialunkan dalam setiap perhimpunan mingguan dan di dalam majlis-majlis yang sesuai sama ada dibaca pada awal atau akhir majlis dengan diulang alunan sebanyak 3 kali.
9. Selawat ini dialunkan dengan nada yang sekata secara beramai-ramai dan boleh juga dibaca oleh pembaca doa serta diaminkan oleh murid-murid.
10. Selawat ini juga dijadikan sebagai bacaan tambahan bagi Program Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) darjah 1 hingga 6 yang dialunkan mengikut kesesuaian.

## **TARIKH KUATKUASA**

11. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

12. Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan di semua Sekolah Agama Kerajaan Johor peringkat tadika, rendah dan menengah serta dipanjangkan ke Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat rendah dan menengah, Sekolah-sekolah Agama Swasta peringkat rendah, menengah, tahfiz dan pondok yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

## **PENYELARASAN**

13. Pekeliling ini juga merupakan penambahbaikan kepada pekeliling bil.6 tahun 2012 Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dan ia perlu dibaca bersama dengan pekeliling tersebut serta diselaraskan pelaksanaannya.


## **TANGGUNGJAWAB**

14. Yang berbahagia tuan/ puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai/ pengetua/ guru besar di bawah pentadbiran tuan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**( Y.B. DATO' HAJI MD. ROFIKI BIN DATO' HAJI A. SHAMSUDIN )**  
Pengarah  
Jabatan Agama Islam Negeri Johor

- s.k
1. Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Johor
  2. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
  3. Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Negeri Johor
  4. Timbalan Pengarah Pengurusan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor
  5. Ketua-ketua Unit, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor
  6. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor